

12 SEP 2003

Bajet-Mahathir/I

DR MAHATHIR BENTANG BAJET 2004 DENGAN INISIATIF POLISI BERANI

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Bajet 2004 yang menggariskan beberapa inisiatif polisi berani yang mengambil kira perkembangan pantas ekonomi dan sosial Malaysia selama setengah abad dan ke arah kesejahteraan rakyat Malaysia dalam abad ke-21.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bajet berkenaan mengguna pakai strategi serampang lima mata yang mengambil kira prestasi separuh pertama pelan pembangunan lima tahun ke-8 bagi memastikan pelaksanaan sepenuhnya dasar-dasar pembangunan dan strategi untuk negara.

Bajet 2004, dengan perbelanjaan sebanyak RM112.5 bilion, merupakan pengurangan sebanyak 1.6 peratus daripada RM114.3 bilion perbelanjaan pada Bajet 2003.

Berdasarkan kepada anggaran pendapatan sebanyak RM95.6 bilion, Bajet 2004 akan menyaksikan defisit belanjawan yang lebih kecil memandangkan keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka dikurangkan kepada 3.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding dengan 5.4 peratus pada 2003.

Dengan menyatakan bahawa teras Bajet 2004 akan meneruskan dasar-dasar dan strategi berterusan bagi merangsang dan mempercepatkan aktiviti ekonomi dalam negara serta penyertaan rakyat Malaysia yang lebih luas dalam pertumbuhan ekonomi, Dr Mahathir menegaskan bahawa sektor swasta akan meneruskan perannya sebagai jentera pertumbuhan dalam ekonomi negara.

Beliau juga berkata yang kerajaan akan turut melaksanakan dasar monetari yang boleh menyokong dan memanfaatkan penggunaan swasta dan meningkatkan daya saing negara bagi membolehkan Malaysia menjadi negara perdagangan yang sebenarnya.

Juga, kerajaan akan turut melaksanakan pengukuhan fiskal ke arah mencapai bajet berimbangan dalam tempoh terdekat dan mengukuhkan agenda sosial masyarakat penyayang bagi meningkatkan mutu hidup warga Malaysia sebagai sebahagian daripada inisiatif dasar Bajet 2004.

Ucapan bajet beliau setebal 98 muka itu mengandungi beberapa langkah dan polisi bertujuan membangunkan kecemerlangan yang lebih luas dalam beberapa bidang utama seperti perdagangan pembuatan, pertanian, pendidikan dan pelancongan.

Dr Mahathir juga menegaskan pentingnya mewujudkan lebih banyak jenama Malaysia yang boleh dipasarkan di seberang laut memandangkan banyak jenama yang terkenal yang mempunyai komponen Malaysia tidak dianggap sebagai barangan Malaysia.

"Dengan itu, tidak mustahil bagi jenama Malaysia dalam bahasa kita akan diterima di peringkat global," kata beliau.

Sebagai usaha berterusan mempromosikan jenama tempatan, kerajaan akan terus menaikkan tabung pembangunan dan penggalakan jenama Malaysia dengan RM100 juta lagi selepas peruntukan permulaan sebanyak RM100 juta.

Menjelaskan lagi mengenai strategi mempromosikan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan, Dr Mahathir berkata penyumbang utama kepada pertumbuhan 21 peratus dalam pelaburan sektor swasta dalam tempoh 10 tahun sebelum krisis kewangan 1997-1998 ialah pelaburan langsung asing (FDI).

Bagaimanapun, sumbangan utama FDI hanya dari segi pengwujudan pekerjaan.

Ini ialah kerana syarikat-syarikat asing yang beroperasi di Malaysia membiayai sebahagian besar pelaburan mereka dari sumber dalam negeri, dan

dengan demikian aliran masuk dana asing sebenarnya adalah lebih kecil daripada yang diandaikan.

Selain daripada itu, syarikat-syarikat ini tidak mengeluarkan produk yang berjenama Malaysia kurang mempunyai hubungan "backward" dan "forward" dan menggunakan teknologi asing yang dibangunkan di luar negara, kata beliau.

"Tetapi hari ini, memandangkan kita tidak mempunyai pekerja yang menganggur lagi, ia hanya memanfaatkan pekerja-pekerja asing. Kita mesti mengubah semua ini dan cukup berani melakukan transformasi ekonomi untuk beralih dari ekonomi yang digerakkan oleh FDI kepada yang diterajui oleh pelabur tempatan.

"Kita mesti bertindak pantas dan tangkas membuat peningkatan untuk mengambil alih peranan sebagai pelabur, pengeluar dan pengeksporth negara. Sektor swasta tempatan mesti memaju dan mengeluarkan produk berjenama Malaysia dengan kualiti bertaraf dunia untuk menembusi dan menguasai pasaran antarabangsa.

"Kita mesti eksport barangan yang kita keluarkan sendiri. Kita perlu menggalakkan inisiatif sektor swasta tempatan untuk mengeluarkan produk tempatan yang mempunyai penciptaan dengan nilai yang tinggi, bermula dari hasil penyelidikan tempatan serta penggunaan komponen dan perkhidmatan logistik tempatan. Ini akan menjamin sampingan yang lebih luas dan penciptaan kekayaan yang lebih tinggi kepada rakyat dan Malaysia."

Bagi membantu mempromosikan barangan Malaysia di seberang laut, Dr Mahathir berkata MATRADE akan dikorporatkan dan kerajaan akan menyediakan geran pelancaran sebanyak RM100 juta baginya melaksanakan "roadshows" (pameran bergerak) di luar negara dan membawa masuk kepakaran sektor swasta termasuk pegawai dagang, dalam mempromosikan eksport.

MATRADE, kata beliau, akan dengan segera melaksanakan "export promotion on wheels" ke negara Timur Tengah dan Afrika.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyemak semula sistem perolehannya di mana penggunaan kandungan tempatan dan nilai tambah akan diberikan mengikut pertimbangan dalam penilaian tender untuk menyediakan asas pasaran bagi usahawan tempatan serta untuk terus mempromosikan industri-industri tempatan.

Pada masa sekarang, penilaian tender kerajaan yang memberi tumpuan hanya pada aspek teknikal dan kewangan.

"Kerajaan berpendapat agenda untuk menggiatkan industri tempatan ini amat penting sekali. Oleh itu kerajaan akan meminta Tenaga Nasional, Telekom, Proton, Petronas serta syarikat-syarikat milik Khazanah dan Permodalan Nasional Bhd serta lain milik kerajaan untuk menerajui pembangunan produk dan teknologi tempatan dalam sektor mereka," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai dasar yang dinanti-nantikan mengenai kereta berikutan liberalisasi sektor automotif di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean dan berkata kerajaan akan terus menggalakkan industri berat tempatan.

Beliau berkata pengguna telah menanggungkan pembelian kereta mereka dan jualan kereta menurun sejak Februari 2003.

Kerajaan, kata beliau, telah memaklumkan bahawa harga kereta tidak akan diturunkan walaupun selepas pengurangan duti import terhadap kereta-kereta dari negara-negara Asean.

"Bagi mengurangkan kerugian dalam pendapatan, kerajaan mencadangkan mengenakan duti cukai bagi kereta diimport apabila duti import dikurangkan dari 1 Jan 2004. Oleh itu, pengguna digalakkan membeli kereta sekarang untuk mereka sendiri dan keluarga mereka," katanya.

Dr Mahathir, yang kelihatan yakin dan ceria dalam pembentangnya, juga bercakap mengenai keupayaan Malaysia dalam pengeluaran dan penerokaan

minyak dan keperluan menubuhkan sebuah lagi konsortium untuk mengusahakan penerokaan, pengeluaran dan penapisan minyak.

Beliau berkata kerajaan akan membenarkan sebuah lagi konsortium untuk melaksanakan pembangunan lapangan marginal bagi meraih keyakinan negara-negara lain.

Bagi penggalakan syarikat Malaysia di luar negara, beliau berkata kualiti dan keupayaan syarikat-syarikat ini adalah sangat penting.

"Kita tidak boleh membenarkan syarikat-syarikat yang tidak berkeupayaan mendapatkan kontrak dan peluang perniagaan di luar negara dengan tujuan menjualnya kepada syarikat-syarikat lain. Ini hanya akan menyebabkan merosotnya keyakinan terhadap syarikat di Malaysia serta negara kita," katanya.

Dalam usaha menggalakkan industri kecil dan sederhana meningkatkan pelaburan mereka, kerajaan telah mencadangkan menaikkan takat pendapatan kena cukai kepada RM500,000 daripada RM100,000 kepada cukai korporat pada 20 peratus seperti yang diumumkan dalam Bajet 2003.

Dengan kenaikan ini, IKS akan mempunyai tambahan RM322 juta bagi pelaburan semula.

Kerajaan juga mencadangkan taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus ke atas peningkatan pendapatan daripada pelaburan semula selama lima tahun dan elaun cukai pelaburan (ITA) sebanyak 60 peratus daripada pelaburan tambahan dalam tempoh lima tahun.

Syarikat-syarikat yang menghasilkan produk menggunakan biomas kelapa sawit akan menyaksikan kadar pengecualian cukai pendapatan di bawah skim Taraf Perintis meningkat kepada 100 peratus selama 10 tahun daripada 70 peratus untuk lima tahun sebelumnya dan menaikkan kadar ITA kepada 100 peratus selama lima tahun daripada 60 peratus sebelumnya.

Bagi syarikat-syarikat sedia ada yang menggunakan biomas kelapa sawit, mereka akan mendapat insentif taraf perintis dengan pengecualian cukai 100 peratus selama 10 tahun ke atas peningkatan pendapatan daripada pelaburan semula dan ITA 100 peratus selama lima tahun ke atas pelaburan tambahan.

Syarikat-syarikat yang beroperasi di Sabah, Sarawak dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia akan menikmati peningkatan kadar pengecualian cukai pendapatan di bawah taraf perintis kepada 100 peratus daripada 85 peratus dan peningkatan kadar ITA kepada 100 peratus daripada 80 peratus. Elaun ini boleh ditolak keseluruhannya dan tidak dihadkan kepada 85 peratus daripada pendapatan statutori.

Dr Mahathir turut mengumumkan yang individu akan dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan yang diremit dari luar negara seperti mana yang dinikmati kini oleh syarikat-syarikat bagi menggalakkan mereka membawa balik pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan atau simpanan mereka di luar negara bagi pelaburan domestik.

Selain daripada kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan di bawah Pakej Strategi Baru bagi membantu industri-industri berskala kecil dan sederhana, Dr Mahathir berkata institusi-institusi perbankan mestilah proaktif dalam pemberian pinjaman kepada golongan pengusaha kecil dan sederhana.

Sambil mengatakan yang kerajaan begitu prihatin terhadap peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesukaran membayar hutang dengan institusi-institusi kewangan, beliau berkata Bank Negara Malaysia telah menyediakan skim penyusunan dan penjadualan semula pinjaman bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit oleh peminjam di sektor pelancongan.

Di samping skim ini, kerajaan akan membantu pengusaha IKS menangani masalah hutang tidak berbayar dengan institusi kewangan melalui satu mekanisme yang serupa dengan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Bagi tujuan ini, Bank Negara akan menubuhkan Jawatankuasa Penyelesaian Hutang IKS.

Untuk menggalakkan lagi perkembangan syarikat modal teroka swasta, dana modal teroka bagi Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP) akan ditambah sebanyak RM300 juta, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan di bawah MAVCAP kepada RM800 juta.

Di samping itu, kerajaan juga telah menubuhkan Malaysian Debt Venture dengan dana sebanyak RM650 juta dan Malaysian Technology Development Corporation yang mempunyai dana modal teroka sebanyak RM1 bilion untuk membiayai pelaburan dalam bidang-bidang lain seperti industri logistik dan pemodenan pertanian.

Potongan cukai pendapatan turut diberikan kepada syarikat-syarikat modal teroka yang bersamaan dengan jumlah pelaburan mereka dalam syarikat-syarikat teroka dengan syarat pelupusan saham dalam syarikat teroka dibuat melalui tawaran awam permulaan (IPO).

Bagi meningkatkan lagi insentif ini, pelupusan ini boleh juga dibuat melalui "exit mechanism" yang lain seperti opsi jual dan belian kuasa pengurusan (MBO).

Selain daripada ini, satu lagi syarat yang akan dilonggarkan ialah berkaitan dengan kaedah pengiraan 70 peratus dalam syarikat teroka. Pengiraan ini akan hanya mengambil kira nilai dana yang dilaburkan dan bukannya jumlah keseluruhan dana yang dimiliki oleh syarikat modal teroka.

Kerajaan turut mencadangkan supaya syarikat pengurusan modal teroka diberikan pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pembahagian keuntungan dengan syarikat modal teroka.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah melonggarkan lagi syarat pegangan ekuiti di samping menyediakan lebih banyak insentif untuk menarik syarikat berorientasikan perkhidmatan seperti Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Pusat Pengedaran Serantau (RDC) dan operasi "backroom outsourcing" oleh syarikat multinasional (MNC) untuk beroperasi di negara ini.

Dalam usaha menambah baik lagi insentif untuk OHQ, kerajaan mencadangkan pendapatan OHQ yang diperolehi daripada penyediaan perkhidmatan kepada syarikat mereka di Malaysia diberikan pengecualian cukai pendapatan tidak melebihi 20 peratus daripada keseluruhan pendapatan yang diperolehi daripada operasi global.

Insentif ini adalah sama seperti galakan yang dinikmati oleh RDC pada masa ini.

Bagi menggiatkan lagi sektor perkhidmatan, Dr Mahathir telah mengumumkan pengwujudan agensi sehati yang bertanggungjawab membantu pelabur mendapatkan kelulusan daripada pelbagai pihak supaya projek mereka dapat dilaksanakan dengan segera.

Menyentuh mengenai Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), kerajaan akan memperluaskan peranannya untuk menjadi agensi sehati sama seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi sektor-sektor perkhidmatan terpilih.

Beliau berkata MDC telah berjaya menarik banyak syarikat asing untuk menyediakan perkhidmatan berkongsi, terutamanya untuk perkhidmatan sokongan IT bagi operasi global mereka, termasuklah pusat-pusat pemprosesan maklumat dan data.

Dr Mahathir berkata sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau, kerajaan akan membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir Labuan untuk menubuhkan pejabat pemasaran mereka di Johor Bahru, iaitu kawasan yang pesat membangun dengan bertambahnya bilangan MNC yang telah menempatkan semula operasi mereka di situ.

"Langkah ini juga akan membantu usaha kerajaan menjadikan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Lapangan Terbang Senai sebagai hub logistik antarabangsa."

-- BERNAMA

SHY SD AA

